

**PENDEKATAN KAUNSELOR DALAM MENGENDALIKAN
TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SEMBILAN**

*The Counselor's Approach in Managing Bullying Behavior among Secondary School
Students in Negeri Sembilan*

Syarah Syahaziqah Abdullah & Norazani Ahmad*

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*Corresponding author: norazani@fpm.upsi.edu.my

Published: 10 December 2024

To cite this article (APA): Abdullah, S. S., & Ahmad, N. (2024). Pendekatan kaunselor dalam mengendalikan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 17*(Isu Khas 3), 43–57. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.5.2024>

ABSTRAK

Buli telah menjadi isu dan menjadi perhatian serius oleh banyak pihak. Kejadian buli dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini merupakan kejadian yang sering berlaku di sekolah. Pelbagai faktor telah menyebabkan berlakunya kes buli di sekolah. Faktor diri sendiri, keluarga, persekitaran dan media sosial menjadi punca utama terjadinya isu buli di sekolah. Oleh itu, terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling dalam usaha mengendalikan tingkah laku buli pelajar di sekolah. Kajian ini dilaksanakan dengan menemubual 3 orang guru bimbingan dan kaunseling di Negeri Sembilan untuk mengenalpasti pendekatan kaunseling yang dilaksanakan oleh kaunselor sekolah dalam mengendalikan masalah disiplin buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif khusus kajian ini iaitu untuk mengkaji pengalaman dan pendekatan kaunselor dalam mengendalikan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah serta meneroka strategi bimbingan yang digunakan oleh kaunselor dalam membantu pelajar yang terlibat dengan isu buli. Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu melibatkan reka bentuk kualitatif untuk mendapatkan data dan maklumat untuk dianalisis. Reka bentuk kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan kaedah temubual semi struktur dan kaedah perpustakaan. Kesimpulannya, dapat dinyatakan bahawa terdapat banyak gejala buli dalam kalangan pelajar yang berkaitan dengan emosi dan fizikal.

Kata kunci: tingkah laku buli, guru bimbingan dan kaunseling, pendekatan kaunseling

ABSTRACT

Bullying has become a significant issue and a serious concern for many parties. Incidents of bullying among school students in this country are frequent occurrences. Various factors have contributed to the occurrence of bullying in schools, including personal factors, family, environment, and social media, which are the primary causes of bullying issues in schools. Therefore, numerous approaches are used by guidance and counseling teachers to manage student bullying behavior in schools. This study was conducted by interviewing three guidance and counseling teachers in Negeri Sembilan to identify the counseling approaches implemented by school counselors in managing bullying-related disciplinary issues among secondary school students. The specific objectives of this study are to examine the experiences and approaches of counselors in addressing bullying issues among secondary school students and to explore the counseling strategies used by counselors to assist students involved in bullying problems. In this study, two methods were employed, involving a qualitative research design to gather data and information for analysis. This qualitative research design was carried out using semi-

structured interview techniques and library methods. In conclusion, it can be stated that many bullying symptoms among students are related to emotional and physical aspects.

Keywords: *bullying behavior, guidance and counseling teachers, counseling approaches*

PENGENALAN

Sebahagian besar keganasan yang berlaku di sekolah dapat dijelaskan sebagai satu sasaran yang sistematik terhadap rakan sebaya oleh seseorang individu pelajar atau sekumpulan pelajar yang dikenali sebagai buli. Gejala buli di sekolah merupakan masalah sejagat yang membawa kesan negatif kepada suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Buli menimbulkan rasa keresahan dan ketakutan yang mengganggu suasana sihat untuk membolehkan pertumbuhan diri serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Buli juga memberikan pengalaman yang pahit dan negatif pada keseluruhan kehidupan seseorang pelajar. Buli adalah salah laku yang dilakukan secara sedar sama ada berbentuk fizikal atau psikologikal ke atas diri mangsa yang lebih lemah bertujuan mendatangkan kemudaratan fizikal atau psikologi.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai tiga objektif utama iaitu bagi mengkaji pengalaman kaunselor dalam mengendalikan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah. Kedua, mengenal pasti pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah buli dalam kalangan pelajar sekolah. Ketiga, meneroka strategi bimbingan yang digunakan oleh kaunselor untuk membantu pelajar yang terlibat dalam kes buli sekolah.

Penulisan ini diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji terutama yang ingin mengkaji isu tingkah laku buli pelajar di sekolah. Penulisan ini turut mengusulkan beberapa cadangan serta saranan untuk rujukan pengkaji bagi memastikan isu tingkah laku pelajar di sekolah dapat diatasi dengan baik sekiranya mempunyai intervensi kaunseling yang relevan dalam memberi kesan kepada para pelajar dalam jangka masa panjang. Selain itu, penulisan ini dapat menjadi panduan kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah yang berhadapan dengan isu buli pelajar sama ada di peringkat menengah mahupun rendah. Tambahan lagi, diharapkan penulisan ini dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling dalam mengatasi isu buli dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia.

Isu tingkah laku buli

Melalui akhbar berita harian Kosmo oleh Amree Ahmad (2022), Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyifatkan lonjakan insiden buli dalam kalangan pelajar sekolah pada ketika ini sebagai satu trend jenayah moden yang agak membimbangkan pihak kerajaan sendiri. Menurut Hamzah Zainudin (2022) jenayah buli yang mengakibatkan kecederaan dengan sengaja dan dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan merekodkan pertambahan amat ketara. Setakat tahun lalu (2022) bermula awal bulan Januari sehingga akhir Julai sebanyak 122 kes buli telah disabitkan kesalahan membuli berbanding pada tahun 2021.

Kemudian, melalui berita Awani laporan oleh Ridauddin Daud (2023), data yang dikongsi Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying di Dewan Rakyat melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dari Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan jumlah kes buli meningkat dari tahun 2021 hingga 2023 iaitu sebanyak 4,994 kes buli direkodkan dari Januari sehingga Oktober 2023.

Menurut laporan Farahin Fadzil (2024), pada tahun 2023 Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah merekodkan 3,199 aduan berkaitan buli siber dengan 93% (2,971) daripadanya telah diselesaikan. Memetik sumber dari *Cyber Bullying Research Centre* mendedahkan kebanyakan kes bunuh diri berprofil tinggi adalah berpunca daripada buli siber. Bagi kes buli siber di Malaysia, pelaku boleh dikenakan tindakan berdasarkan Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Berdasarkan sebuah tinjauan oleh *UCSI Poll Research Centre*,

lebih separuh peserta tinjauan bersetuju bahawa buli siber adalah suatu masalah sosial. Seramai 45% daripada mereka berasa buli siber bukan perkara yang biasa dalam dunia dalam talian dan ia boleh dihentikan. Selain itu, berdasarkan statistik *Cyber Security Malaysia*, buli siber dalam kalangan pelajar sekolah berlaku hampir setiap hari dan peningkatannya terus mencanak sejak perintah kawalan pergerakan diperkenalkan oleh kerajaan. Hal ini menunjukkan bahawa, akibat daripada perubahan masa dan kepesatan kemajuan teknologi, skop membuli tidak hanya berlaku dalam bentuk fizikal di tempat-tempat seperti sekolah, asrama atau kolej telah meluas hingga ke alam maya. Situasi ini memperlihatkan masalah ini kian membesar keseriusannya untuk diatasi.

PERNYATAAN MASALAH

Negara yang meningkat maju akan semakin banyak cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi oleh setiap individu. Cabaran yang dihadapi bukan hanya dalam aspek mental, fizikal malahan aspek luaran juga memberi pengaruh terhadap kehidupan individu. Perkara ini bukan hanya terjadi kepada individu yang sudah berjaya mahupun berumah tangga namun para pelajar di sekolah juga tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran ini. Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sangat penting dalam membantu masyarakat dan individu khususnya di Malaysia.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu unit di bawah unit Hal Ehwal Murid di setiap sekolah. Kaunselor di sekolah memainkan peranan yang besar dalam membantu mengawal sahsiah dan tingkah laku pelajar termasuklah dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar. Setiap kaunselor mempunyai teknik dan pendekatan yang diamalkan atau digunakan dalam menyelesaikan sesuatu masalah tingkah laku disiplin yang berlaku di kalangan pelajar sekolah. Namun begitu, Mhd Subhan et al. (2019) dalam kajiannya ada menyatakan bahawa profesionalisme kaunselor didefinisikan sebagai kaunselor yang menggunakan pengetahuan dan teknik dalam sesi kaunseling untuk tujuan menolong individu berubah daripada keadaan sekarang kepada satu keadaan yang dikehendakinya. Contohnya program-program kaunseling memberi pencegahan yang dijalankan di sekolah dapat mengurangi pelbagai masalah tegar murid seperti membantu murid-murid yang menjadi mangsa buli di sekolah, meningkatkan konsep sendiri murid, di samping membina *locus of control* yang kukuh, pencapaian akademik murid di sekolah mendapatkan pengaruh dari khidmat kaunseling membina jangkaan kerjaya murid pada masa akan datang dan membentuk pelajar lebih berdisiplin dan mengurangkan tingkah laku agresif serta membina kemahiran sosial positif.

Melalui kajian Azarul Razamin Mat Said et al. (2023) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan konsep baharu iaitu “Sekolahku SEJAHTERA” dalam mewujudkan suasana sekolah yang aman dan harmoni, kaunselor perlu cakna dan semakin kreatif dalam melaksanakan tugas serta membanteras masalah disiplin daripada terus menjadi norma dan fenomena besar yang sukar dibendung. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi melihat apakah faktor yang menyebabkan pelajar bertingkah laku membuli di sekolah serta apakah pendekatan yang digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah dan sejauh mana pendekatan tersebut mampu membentuk pelajar ke arah bertingkah laku positif.

Menurut kajian Mohd Suhaimi Mohamad et al. (2021) masalah tingkah laku buli bukan lagi satu isu tingkah laku yang baru berlaku namun ia merupakan isu tingkah laku yang telah lama berlaku dan semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Tingkah laku buli yang berterusan bukan sahaja memberi kesan buruk kepada mangsa seperti tekanan emosi, kecemasan dan kemurungan, tetapi juga kepada pembuli yang mungkin terjerumus dalam masalah disiplin yang lebih serius. Ini mengancam suasana sekolah yang selamat dan membentuk pembelajaran yang kondusif. Oleh itu, kaunselor sekolah memainkan peranan yang signifikan dalam menangani isu buli. Mereka bertanggungjawab untuk mengenal pasti kes-kes buli, memberikan sokongan emosi, melaksanakan intervensi, dan membimbing pelajar untuk mengatasi masalah tersebut. Namun, terdapat kekurangan kajian yang mendalam tentang pengalaman kaunselor dalam mengendalikan isu buli, pendekatan yang mereka gunakan, dan strategi bimbingan yang diterapkan. Kajian ini bertujuan untuk mengisi

kekosongan tersebut dengan mengkaji pengalaman, pendekatan, dan strategi bimbingan kaunselor dalam menangani isu buli.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Bagi kajian ini, sampel kajian terdiri daripada tiga orang kaunselor sekolah yang mengajar di sekolah menengah di Negeri Sembilan dan dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Pengkaji juga telah menetapkan beberapa kriteria khas (*inclusion criteria*) bagi memastikan kelayakan menjadi peserta kajian ini. Kriteria tersebut adalah sampel sedang berkhidmat di sekolah menengah sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling serta pernah mengendalikan masalah tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah di Negeri Sembilan berdasarkan segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian di mana pengkaji ingin mengenalpasti pendekatan kaunselor mengendalikan isu buli di sekolah berdasarkan pengalaman mereka.

Kaedah pengumpulan data

Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kaedah temubual separa berstruktur. Temubual dijalankan terhadap tiga orang guru bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Temubual dijalankan dengan menggunakan protokol temubual semi-berstruktur yang telah disemak oleh tiga orang pakar yang dilantik. Pakar tersebut merupakan pensyarah daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Secara keseluruhannya, pengkaji telah menyediakan 11 item soalan protokol bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji menggunakan protokol temu bual sebagai panduan dan memberi hujah galakkan minima untuk memperoleh maklumat lanjut berkaitan pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam mengendalikan isu tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah.

Analisis data

Data kajian dianalisis melalui proses transkripsi data verbatim. Kemudian, pengkaji membaca dan menganalisis data tersebut dengan meneliti perkara yang dinyatakan oleh peserta kajian dan memberi makna baharu kepada data tersebut yang bersesuaian dengan objektif kajian. Sewaktu proses membaca dan menganalisis, transkrip ini ditanda dan dilabel mengikut tajuk-tajuk yang menjurus kepada jawapan soalan kajian. Jawapan-jawapan yang sama atau hampir sama dikumpulkan dan diletakkan dalam satu kumpulan yang tertentu. Seterusnya jawapan temu bual yang telah dikelompokkan diletakkan dalam skop yang lebih luas bagi membentuk tema.

DAPATAN KAJIAN

Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah pengalaman kaunselor dalam mengendalikan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah?

Kerentanan pendedahan kawalan isu

Kerentanan pendedahan isu merujuk kepada faktor-faktor yang menjadikan pelajar lebih cenderung menjadi mangsa atau pelaku buli. Kerentanan pendedahan isu ini boleh berpunca dari pelbagai faktor individu, sosial dan keluarga. Ciri-ciri peribadi seperti harga diri yang rendah, masalah emosi atau ketidakupayaan untuk mengendalikan tekanan menjadikan sesetengah pelajar lebih mudah menjadi sasaran atau pelaku buli. Masalah dalam keluarga seperti konflik berterusan, pengabaian, atau

kekurangan sokongan emosi juga menyumbang kepada kerentanan ini. Kerentanan yang berlaku berpunca daripada kekurangan kesedaran pembuli mengenai kesan negatif buli dan pentingnya tingkah laku yang menghormati satu sama lain boleh menyebabkan pelajar dan guru tidak memahami atau meremehkan masalah ini.

Dapatan ini disokong dalam kajian Ken Rigby (2021) yang menyatakan tentang punca asas tingkah laku buli adalah bermula dengan keinginan untuk dapatkan kuasa dan kawalan terhadap persekitaran di sekolah. Pengkaji berpendapat bahawa kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami dan menguruskan keinginan. Pengkaji menyatakan bahawa dengan menggunakan teknik kaunseling yang sesuai, kaunselor boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran sosial yang positif, mengurangkan tingkah laku agresif dan membentuk sifat empati.

Hasil dapatan analisis daripada peserta kajian pertama menjelaskan bahawa tingkah laku buli ini boleh terjadi disebabkan oleh desakan dalaman diri atau faktor diri sendiri iaitu perasaan iri hati dengan kejayaan orang lain, terlalu ikutkan perasaan dan merasakan dirinya hebat dan kuat. Bahkan peserta kajian pertama dan ketiga menyatakan bahawa pembuli ini bertindak untuk membuli kerana diri mereka pernah dibuli dan menjadi mangsa buli pada suatu ketika dahulu.

“Di mana pembuli rasa mereka lebih hebat, mereka rasa lebih kuat dan mereka ada team ataupun geng sendiri untuk membuli.”

(PK1/236-237)

“Mereka yang menjadi pembuli ini kebiasaannya mereka mangsa buli juga pada satu masa dahulu.”

(PK1/226-227)

“Dia buat benda tu and ia adalah kesan daripada *negative though* atau *feeling of hatred*. Sifat kebencian dia, rasa marah dia. Dia tak dapat dielakkan. Membina kesan dalam diri.”

(PK3/119-120)

Tingkah laku membuli dalam kalangan pelajar sering kali mempunyai akar umbi yang dalam dan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku ini adalah persekitaran keluarga. Kesemua peserta kajian bersetuju dan menyatakan bahawa punca utama pelajar bertingkah laku buli adalah disebabkan oleh masalah keluarga, personaliti ahli keluarga, kekurangan didikan di rumah serta kekurangan masa dan perhatian ahli keluarga.

“Ayah dia pun seorang yang tidak boleh mengawal emosi dan mungkin sebab itu anak akan bertindak begitu kepada kawan-kawan.”

(PK1/343-345)

“Tapi bila tengok sebenarnya dia pembawakan kat rumah itu sebenarnya sebab dia ada sikit attitude semua tapi dalamannya dia macam ada something yang dia tak dapat lepaskan dan pendam.”

(PK2/205-207)

“Dari aspek lain mungkin cara pelajar ini nak tunjuk protes sebenarnya, protes mungkin dia tak dapat apa kasih sayang kat rumah, mungkin dekat sekolah ni bila dia buat benda tu akan buat orang akan kenal dia, dan keluarga dia akan beri perhatian.”

(PK2/216-218)

Faktor lain yang menjadi sebab adalah faktor pendidikan penting dalam membentuk diri pelajar ke arah kemenjadian seseorang individu yang terpelajar secara holistik. Dengan adanya pendidikan khususnya nilai agama sepatutnya menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku yang positif dan etika moral yang tinggi dalam diri seseorang pelajar. Namun kekurangan pendidikan dan nilai agama sudah pasti akan memberi kesan negatif dalam pembentukan diri pelajar. Peserta kajian pertama ada menyatakan bahawa pelajar bertingkah laku buli disebabkan kurangan didikan agama yang lengkap.

“Mereka ini di rumah sebenarnya kurang mendapatkan didikan agama dan tidak lengkap.”

(PK1/285-286)

“Tapi kat rumah ibu bapa tidak solat, ibu bapa tidak bantu menerapkan nilai agama, mengaji dan sebagainya. Dan mereka hidup, senang cakaplah, mereka ni terbiasa. Jadi kita tak boleh nak support keseluruhan nilai tersebut. Perkara tersebut hanya berlaku di sekolah sahaja. Jadi tak sampai, tak disambut di rumah.”

(PK1/401-403)

Menormalisasikan tingkah laku buli

Menormalisasikan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah bermaksud menerima atau menganggap bahawa tindakan membuli adalah perkara biasa dan boleh diterima dalam konteks kehidupan seharian di sekolah. Ia menjadi satu budaya khususnya bagi sekolah berasrama. Malahan perbuatan membuli ini diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Tradisi, ritual atau "peraturan tidak rasmi" yang melibatkan tingkah laku seperti buli ini boleh menjadi sebahagian daripada kehidupan asrama, menjadikannya sukar untuk dihapuskan. Tingkah laku negatif ini dianggap sebagai sebahagian daripada dinamika sosial biasa dalam kalangan pelajar. Ia dilihat sebagai cara untuk menunjukkan kekuatan, mendapatkan status atau menyelesaikan konflik, tanpa menyedari atau mengakui kesan negatif terhadap mangsa.

Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian literatur Qian Zhang et al. (2024) peranan kaunselor dalam menangani buli siber menjadi semakin berleluasa dengan wujudnya kemajuan penggunaan teknologi digital. Pengkaji mendapati bahawa kaunselor perlu mempunyai pemahaman yang mendalam tentang teknologi dan mengikuti perkembangan semasa agar kaunselor lebih cekap menangani kes buli siber. Mereka juga menekankan pentingnya pendidikan kepada pelajar dan ibu bapa mengenai risiko dan tanda-tanda buli siber, serta strategi intervensi yang berkesan.

“Jadi bila mereka sudah meningkat usia atau lebih besar, mereka akan mengikut langkah abang senior yang buat mereka dahulu. So dia macam diwarisi. Perbuatan buli itu boleh diwarisi.”

(PK1/227-229)

“Bila sebelum ni dia pernah dibuli oleh senior dan perkara tersebut buat dia pendam dan bila dia jadi senior akan datang dia akan buat benda yang sama dan perkara ini seperti tiada kesudahannya.”

(PK1/222-225)

“Yang kita rasa macam kebanyakan pelajar-pelajar ini terpengaruh sebenarnya dengan media sosial yang semakin berleluasa.”

(PK1/103-104)

Merencanakan perkembangan diri pelajar

Isu buli di sekolah tidak hanya memberi kesan segera kepada mangsa, tetapi juga boleh merencanakan perkembangan diri pelajar dalam jangka panjang. Pelajar yang mengalami buli mungkin merasa kurang

berharga dan meragui kebolehan mereka. Ini boleh menghalang mereka daripada mencuba perkara baru atau menghadapi cabaran dengan yakin. Pengalaman negatif semasa sekolah boleh merosakkan keupayaan pelajar untuk membina hubungan yang sihat dan mempercayai orang lain di masa akan datang. Pengalaman buli yang berulang dan berpanjangan boleh membawa kesan jangka panjang yang serius. Pengalaman dibuli boleh merosakkan imej diri pelajar dan membentuk pandangan negatif tentang diri mereka.

Kenyataan ini disokong melalui kajian Goodwin et al. (2019) di mana tingkah laku buli memberi kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal seseorang individu. Tingkah laku buli yang berterusan dan tidak dikawal akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan sosial, emosi dan prestasi akademik seseorang. Perkara ini juga memberi potensi kehilangan harga diri, meningkatkan tahap kebimbangan yang tinggi, tekanan, kemurungan, masalah di sekolah, kemahiran perhubungan yang lemah, mencederakan diri sendiri serta hingga boleh mengakibatkan bunuh diri.

Kajian Alanna Owens et al. (2022) juga menyokong di mana terdapat beberapa kesan risiko terhadap isu buli. Buli dianggap sebagai penentu sosial yang berbahaya terhadap kesihatan dan kesejahteraan, dengan kesan sepanjang hayat. Mangsa buli cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku berisiko dan melaporkan masalah psikologi. Kebanyakan mangsa buli mendapat kesan psikologi, tingkah laku atau perkembangan seperti simptom kemurungan, pemikiran bunuh diri atau kelakuan yang menentang.

“Mereka yang terlibat ini kadang-kadang pelajar-pelajar yang cerdas bukannya pelajar yang lemah jadi sebagai guru kita risau perkara ini akan menjatuhkan prestasi diri pelajar.”

(PK1/281-283)

“Di sekolah ini pelajar yang terlibat dengan masalah tingkah laku akan dinasihatkan untuk pindah sekolah. Mungkin adalah amaran dan kemudian aku janji dan jika berlaku lagi dia akan kena gantung sekolah.”

(PK2/181-184)

“Amaran dan kemudian aku janji dan jika berlaku lagi dia akan kena gantung sekolah.”

(PK2/182-183)

Keterbatasan intervensi kaunselor

Keterbatasan intervensi kaunselor terhadap isu buli merujuk kepada halangan atau cabaran yang kaunselor daripada melaksanakan intervensi yang berkesan dalam menangani masalah buli di sekolah. Terdapat beberapa elemen yang menghalang kaunselor melaksanakan intervensi berkesan antaranya kekurangan sumber sokongan bagi mencegah gejala buli berleluasa di sekolah. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan usaha guru bimbingan dan kaunseling ini tidak mendapat sokongan sepenuhnya oleh beberapa pihak. Jika aduan dibuat kepada beberapa pihak ianya tidak mendapat maklum balas positif. Oleh itu, usaha guru bimbingan dan kaunseling dalam melaksanakan intervensi berkesan terhalang dan tidak mendapat sokongan yang baik dari pihak luar.

“Cabaran dia yang pertama adalah keluarga, kadang-kadang keluarga tidak memberi kerjasama dan melepaskan segala urusan anak-anak mereka kepada sekolah itu.”

(PK1/362-364)

“Cabarannya mungkin dari pelajar itu sendiri kerana mereka ini sebenarnya bijak. Bila kita teroka, bila kita tanya atau soal dia akan pusing cerita untuk protect diri dia.”

(PK3/181-183)

Persoalan Kajian 2 : Apakah pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah buli dalam kalangan pelajar sekolah?

Kompetensi kaunselor

Kaunselor memainkan peranan penting dalam mengendalikan isu buli di sekolah. Untuk menjalankan tugas ini dengan berkesan, kaunselor perlu mempunyai pelbagai kompetensi yang meliputi kemahiran profesional, pengetahuan dan sikap yang telus dalam membantu. Kompetensi ini lebih menjurus ke arah pembentukan prinsip-prinsip yang menentukan tingkah laku beretika serta amalan terbaik demi kementerian seorang kaunselor. Antara amalan kaunselor yang dilaksanakan oleh peserta kajian ini adalah sesi kaunseling, pelaksanaan teori dan pengaplikasian teknik.

Perkara ini disokong oleh dapatan kajian Ken Rigby (2021) menekankan pentingnya intervensi proaktif seperti kaunseling pencegahan. Teknik ini termasuk mengenal pasti pelajar berisiko tinggi, memberikan sokongan awal, dan mengadakan sesi kaunseling berkala untuk membina kemahiran sosial dan mengatasi masalah. Pengkaji berpendapat bahawa kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami dan menguruskan keinginan. Pengkaji menyatakan bahawa dengan menggunakan teknik kaunseling yang sesuai, kaunselor boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran sosial yang positif, mengurangkan tingkah laku agresif dan membentuk empati. Oleh itu peserta kajian pertama dan kedua ada menyatakan bahawa penggunaan teknik dan teori dalam kaunseling sangat penting dalam usaha membantu pelajar yang terlibat dengan masalah buli.

“Jadi pelajar-pelajar ni kita tengok dulu apa yang dia nak. Saya akan gunakan teknik pendekatan WDEP.”

(PK1/472)

“Kalau dengan pembuli memang akan lakukan sesi individu untuk kita kenal pasti punca dia membuli.”

(PK2/251-252)

Implementasi ilmu kaunselor terhadap isu buli.

Implementasi ilmu kaunselor terhadap isu buli melibatkan penerapan pengetahuan, kemahiran dan pendekatan kaunseling yang telah dipelajari dalam mengendalikan dan mencegah tingkah laku buli di kalangan pelajar. Menurut peserta kajian ketiga pemerhatian rutin penting bagi mengenalpasti langkah awal gejala buli di sekolah. Kaunselor percaya bahawa pengesanan awal adalah kunci untuk mengatasi masalah buli. Ini melibatkan pemerhatian rutin terhadap tingkah laku pelajar membuli dan mengenal pasti tanda-tanda awal buli, seperti perubahan tingkah laku, ketidakhadiran yang kerap atau penurunan prestasi akademik.

Kaunselor juga berperanan membantu pelajar membangunkan resiliensi atau daya tahan terhadap cabaran. Ini boleh melibatkan latihan kemahiran mengatasi stres, peningkatan harga diri dan kemahiran penyelesaian masalah. Pandangan kaunselor terhadap isu buli adalah komprehensif, empatik dan berfokus pada pencegahan dan pemulihan. Mereka melihat isu buli sebagai masalah yang memerlukan pendekatan bersepadu, melibatkan seluruh komuniti sekolah dan menekankan sokongan jangka panjang untuk kesejahteraan pelajar.

Melalui kajian penulisan Melissa C. Mercado (2022) di mana beliau berpendapat bahawa pelajar yang membuli sering menunjukkan ciri agresif yang konsisten dari masa ke masa. Kajian ini membuktikan bagaimana kecenderungan pelajar dan ciri keperibadian berperanan dalam tingkah laku buli. Menurut pengkaji juga ia dapat menunjukkan bahawa pelajar yang membuli sering menunjukkan ciri psikologi tertentu, termasuk kesukaran dalam pengaturan emosi dan tingkah laku. Oleh itu, melalui dapatan temubual peserta kajian ada berkongsi mengenai pengalaman dan pengetahuan mereka sebagai kaunselor di sekolah.

“Jadi mereka kena tahu bahawa buli adalah satu jenayah besar di sekolah.”
(PK1/260-271)

“Manakala kalau mangsa pula kita akan ajar cara untuk kenalikan emosi dia dan ajar cara untuk menolak suruhan daripada senior.”
(PK2/225-226)

Persoalan Kajian 3 : Apakah strategi bimbingan yang digunakan oleh kaunselor untuk membantu pelajar yang terlibat dalam kes buli di sekolah?

Advokasi berintegrasi kaunseling

Advokasi berintegrasi kaunseling dalam proses pengendalian isu buli melibatkan peranan aktif kaunselor dalam mempromosikan perubahan positif dalam komuniti sekolah melalui pelbagai strategi yang menyeluruh. Advokasi ini juga membantu membangunkan pendekatan berpasukan di mana kaunselor, guru, pentadbir dan ibu bapa bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan strategi pencegahan buli. Kesemua pihak berperanan penting baru memastikan tingkah laku buli ini tidak dijadikan satu budaya sosial dalam kehidupan hari ini.

Dapatan ini disokong oleh kajian Tharishini Mana Mohan dan Abu Yazid Abu Bakar (2021) menunjukkan bahawa menggabungkan advokasi dengan kaunseling dalam intervensi buli dapat membantu dalam memahami dan menangani punca-punca asas tingkah laku buli. Kajian ini membincangkan bagaimana pendekatan bersepadu boleh melibatkan pelbagai intervensi yang meliputi kaunseling individu dan kumpulan, serta advokasi untuk perubahan polisi sekolah.

Kajian Zhang et al. (2023) ada menyatakan bahawa pendidikan berasaskan nilai murni dapat membawa perubahan positif dalam tingkah laku pelajar yang terlibat dalam buli. Kajian ini menekankan bahawa pelajar yang terdedah kepada program pendidikan nilai murni menunjukkan pengurangan dalam tingkah laku membuli dan peningkatan dalam kemahiran sosial. Kemudian, kajian Jungtae Choi et al. (2023) menunjukkan bahawa program kaunseling yang fokus pada pengurusan emosi berkesan dalam mengurangkan tingkah laku buli. Kajian ini menggariskan kepentingan latihan dalam kemahiran pengurusan emosi sebagai sebahagian daripada intervensi kaunseling. Kaunselor akan menilai keberkesanan program pencegahan buli yang berasaskan kaunseling. Kajian ini menunjukkan bahawa program yang melibatkan sesi kaunseling individu dan kumpulan boleh mengurangkan kejadian buli dan meningkatkan kesejahteraan pelajar.

Dapatan temu bual bersama peserta kajian menemui bahawa mereka telah melaksanakan satu inovasi yang berintegriti dalam mengendalikan isu buli seperti pelaksanaan program, modul, peraturan serta pengaplikasian nilai murni dalam kehidupan harian di sekolah. Perkara ini secara tidak langsung ia memberi kesan yang positif dalam diri pelajar di sekolah.

“Kita ni bagi model yang baik seperti nilai-nilai kasih sayang, mengasur hati, dia ada usrah-usrah di kalangan pelajar”
(PK1/420-422)

“Tribunal yang kita wujudkan untuk pelajar ni membela diri, kenapa dia perlu dihukum. Jadi di sini dia akan sedar dan tidak merasakan dirinya boleh rasa diri besar, dia hebat. So kita wujudkan tribunal yang mana pelajar ni boleh, membela diri dan nyatakan sebab kenapa dia perlu dihukum. Ketika dia berada dalam situasi tribunal kita akan maklumkan terlebih dahulu sebab kenapa dia perlu dihukum dan dia tahu dia memang melakukannya. Apabila dia dah mengaku kesalahannya dan dia bertekad untuk tidak akan ulangi dan selepas itu kita buat aku janji.”
(PK1/507-514)

“Amaran dan kemudian aku janji dan jika berlaku lagi dia akan kena gantung sekolah.”
(PK2/183-184)

Kolaborasi multi-bidang

Kolaborasi multi-bidang dalam proses pengendalian isu buli melibatkan kerjasama antara pelbagai badan profesional dan organisasi untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan menyokong. Antara perkara yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengadakan mesyuarat berkala antara kaunselor, guru dan pentadbir sekolah untuk membincangkan kes-kes buli yang sedang berlaku di sekolah dan merancang langkah-langkah intervensi yang sesuai. Mewujudkan kumpulan tindakan pencegahan buli antara pihak sekolah pihak luar seperti polis, doktor mahupun ibu bapa yang bertanggungjawab untuk menangani insiden buli dengan segera dan efektif.

Dapatan ini disokong oleh kajian Nor Junainah, Mohd Sobri dan Amelia (2019) di mana ia menjelaskan tentang bagaimana pihak polis dapat bekerja sama dengan sekolah untuk menangani masalah buli. Kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran pihak polis dalam program pencegahan buli dapat membantu dalam menangani kejadian buli yang serius dan memberikan rasa aman kepada pelajar. Dapatan temu bual juga ada menyatakan bahawa usaha bersama guru, ibu bapa dan pihak luar sangat membantu memberi kesedaran dan mengawal isu buli.

“Sini para pelajar yang terlibat dengan isu tingkah laku ini akan disalurkan terlebih dahulu kepada unit disiplin dan unit disiplin akan selesaikan dengan memanggil ibu bapa untuk tindakan.”

(PK1/182-184)

“Pentadbiran sekolah memang sekolah akan minta pelajar tersebut pindah daripada sekolah.”

(PK2/253-254)

PERBINCANGAN

Pengalaman kaunselor mengendalikan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah

Kajian ini secara asasnya dapat menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling mempunyai pengalaman mendalam berkenaan dengan pengendalian isu tingkah laku buli di sekolah. Peserta kajian telah menyatakan bahawa isu buli yang dihadapi oleh para pelajar di sekolah adalah berkaitan buli fizikal, lisan dan emosi sehingga memberi kesan terhadap pembentukan diri mereka sebagai seorang pelajar.

Melalui dapatan kajian, kerentanan pendedahan kawalan diri memberi kesan terhadap faktor diri sendiri, faktor keluarga dan faktor pendidikan. Berdasarkan kajian, kesemua peserta ada menyatakan bahawa ketiga-tiga faktor ini menjadi punca utama yang mendorong pelajar bertingkah laku membuli. Dapatan ini disokong dalam kajian Ken Rigby (2021) yang menyatakan tentang punca asas tingkah laku buli adalah bermula dengan keinginan untuk dapatkan kuasa dan kawalan terhadap persekitaran di sekolah. Pengkaji berpendapat bahawa kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami dan menguruskan keinginan. Pengkaji menyatakan bahawa dengan menggunakan teknik kaunseling yang sesuai, kaunselor boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran sosial yang positif, mengurangkan tingkah laku agresif dan membentuk sifat empati.

Dapatan kajian menunjukkan juga bahawa para pelajar telah menormalisasikan tingkah laku negatif. Kesemua peserta kajian ada menyatakan bahawa tingkah laku negatif ini sudah menjadi satu fenomena di sekolah dan ia menjadi punca terhadap pembudayaan tingkah laku buli. Pelajar yang terlibat dalam buli mungkin akan meniru dan mewarisi tingkah laku sebagai cara untuk mendapatkan status atau kuasa dalam kalangan rakan sebaya mereka. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian

literatur Qian Zhang et al. (2024) peranan kaunselor dalam menangani buli siber menjadi semakin berleluasa dengan wujudnya kemajuan penggunaan teknologi digital. Pengkaji mendapati bahawa kaunselor perlu mempunyai pemahaman yang mendalam tentang teknologi dan mengikuti perkembangan semasa agar kaunselor lebih cekap menangani kes buli siber. Mereka juga menekankan pentingnya pendidikan kepada pelajar dan ibu bapa mengenai risiko dan tanda-tanda buli siber, serta strategi intervensi yang berkesan.

Dapatan seterusnya, menunjukkan tingkah laku buli ini akan merencatkan perkembangan diri pelajar. Melalui dapatan temu bual bersama peserta kajian, pengkaji mendapati bahawa tingkah laku buli ini akan memberi kesan terhadap perubahan tingkah laku diri pelajar. Buli ini akan menimbulkan suasana persekitaran sekolah yang tidak sihat di mana akan berlakunya pergaduhan antara pelajar, pelajar akan bermusuhan dan melahirkan pelajar yang tidak beradab. Kenyataan ini di sokong melalui kajian Goodwin et al. (2019) di mana tingkah laku buli memberi kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal seseorang individu. Tingkah laku buli yang berterusan dan tidak dikawal akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan sosial, emosi dan prestasi akademik seseorang. Perkara ini juga memberi potensi kehilangan harga diri, meningkatkan tahap kebimbangan yang tinggi, tekanan, kemurungan, masalah di sekolah, kemahiran perhubungan yang lemah, mencederakan diri sendiri serta hingga boleh mengakibatkan bunuh diri.

Kemudian, buli juga akan memberi kesan terhadap mangsa buli. Dapatan kajian temu bual bersama peserta kajian menunjukkan bahawa mangsa buli akan terkesan dari aspek psikologi, akademik dan fizikalnya. Menurut peserta kajian pertama mangsa akan mengalami kesan jangka panjang seperti trauma, kemurungan dan takut untuk ke sekolah. Disebabkan itu wujudnya masalah ponteng sehingga dikenakan tindakan disiplin iaitu gantung dan buang sekolah. Ketakutan diri mangsa akan menjejaskan akademik sehingga tidak dapat hadirkan diri sewaktu peperiksaan dan menyebabkan prestasi akademiknya menurun. Bukan itu sahaja malas ia juga akan memberi kesan terhadap fizikal pelajar seperti kesan pukulan, kecederaan ataupun kesan luka yang dalam. Perkara ini dapat dinyatakan melalui temu bual bersama peserta kajian. Dapatan ini disokong oleh kajian Alanna Owens et al. (2022) di mana terdapat beberapa kesan risiko terhadap isu buli. Buli dianggap sebagai penentu sosial yang berbahaya terhadap kesihatan dan kesejahteraan, dengan kesan sepanjang hayat. Mangsa buli cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku berisiko dan melaporkan masalah psikologi. Kebanyakan mangsa buli mendapat kesan psikologi, tingkah laku atau perkembangan seperti simptom kemurungan, pemikiran bunuh diri atau kelakuan yang menentang.

Pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah buli dalam kalangan pelajar sekolah

Kaunselor memainkan peranan penting dalam mengendalikan isu buli di sekolah. Untuk menjalankan tugas ini dengan berkesan, kaunselor perlu mempunyai pelbagai kompetensi yang meliputi kemahiran profesional, pengetahuan dan sikap yang telus dalam membantu. Kompetensi ini lebih menjurus ke arah pembentukan prinsip-prinsip yang menentukan tingkah laku beretika serta amalan terbaik demi kemenjadian seorang kaunselor. Antara amalan kaunselor yang dilaksanakan oleh peserta kajian ini adalah sesi kaunseling, pelaksanaan teori dan pengaplikasian teknik.

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa sesi kaunseling berkesan dalam mengendalikan isu buli di sekolah dengan mengaplikasikan pendekatan berasaskan teori yang menyediakan kerangka kerja untuk intervensi. Terdapat beberapa teori kaunseling yang boleh diaplikasikan oleh peserta kajian dalam menangani masalah buli, termasuk Teori Kaunseling Person-Centered (PCC), Teori Kognitif-Behavioral (CBT), Rational Emotive Behavior Therapy (REBT), Choice Theory Reality Therapy (CTRT). Dengan pengaplikasian teori ini ia menjadi rujukan dan panduan kepada kaunselor dalam mengendalikan isu tingkah laku pelajar.

Kaunselor juga tidak terlepas daripada mengaplikasikan teknik dalam proses mengendalikan isu buli. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pengendalian isu buli dalam kalangan pelajar memerlukan penggunaan teknik kaunseling yang sesuai untuk memberikan sokongan kepada mangsa,

mengubah tingkah laku pembuli dan melibatkan pihak sekolah serta keluarga dalam proses intervensi. Antara teknik kaunseling yang digunakan oleh peserta kajian pertama adalah cuba merasionalkan perbuatan dan tingkah laku pembuli dan mangsa buli. Perkara ini disokong oleh peserta kajian dua iaitu dengan mengajar mangsa cara asertif agar dirinya tidak dipergunakan oleh pembuli.

Perkara ini disokong oleh dapatan kajian Ken Rigby (2021) menekankan pentingnya intervensi proaktif seperti kaunseling pencegahan. Teknik ini termasuk mengenal pasti pelajar berisiko tinggi, memberikan sokongan awal, dan mengadakan sesi kaunseling berkala untuk membina kemahiran sosial dan mengatasi masalah. Pengkaji berpendapat bahawa kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami dan menguruskan keinginan. Pengkaji menyatakan bahawa dengan menggunakan teknik kaunseling yang sesuai, kaunselor boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran sosial yang positif, mengurangkan tingkah laku agresif dan membentuk empati.

Dapatan seterusnya adalah implementasi ilmu kaunselor terhadap isu buli. Implementasi ini melibatkan penerapan pengetahuan, kemahiran dan pendekatan kaunseling yang telah dipelajari dalam mengendalikan dan mencegah tingkah laku buli di kalangan pelajar. Menurut peserta kajian pemerhatian rutin penting bagi mengenalpasti langkah awal gejala buli di sekolah. Kaunselor percaya bahawa pengesanan awal adalah kunci untuk mengatasi masalah buli. Ini melibatkan pemerhatian rutin terhadap tingkah laku pelajar membuli dan mengenal pasti tanda-tanda awal buli, seperti perubahan tingkah laku, ketidakhadiran yang kerap, atau penurunan prestasi akademik. Ini termasuk menyediakan ruang yang selamat dan menyokong pelajar untuk meluahkan tentang masalah mereka dan mencari penyelesaian dengan cara yang betul.

Perkara ini disokong dengan dapatan kajian oleh Ken Rigby (2021) di mana beliau berpendapat bahawa kaunselor sering kali melihat pembuli sebagai pelajar yang mempunyai masalah peribadi atau latar belakang yang mempengaruhi tingkah laku mereka. Kaunselor berusaha untuk memahami faktor-faktor tersebut dan memberikan bimbingan untuk mengubah tingkah laku mereka. Oleh itu, kaunselor memandang pembuli sebagai individu yang memerlukan sokongan untuk mengatasi tingkah laku agresif dan membangun kemahiran sosial yang positif. Melalui kajian penulisan Melissa C. Mercado (2022) di mana beliau berpendapat bahawa pelajar yang membuli sering menunjukkan ciri agresif yang konsisten dari masa ke masa. Kajian ini membuktikan bagaimana kecenderungan pelajar dan ciri keperibadian berperanan dalam tingkah laku buli. Menurut pengkaji juga ia dapat menunjukkan bahawa pelajar yang membuli sering menunjukkan ciri psikologi tertentu, termasuk kesukaran dalam pengaturan emosi dan tingkah laku.

Strategi bimbingan yang digunakan oleh kaunselor untuk membantu pelajar yang terlibat dalam kes buli di sekolah

Terdapat pelbagai strategi yang boleh digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling. Antaranya adalah advokasi berintegrasi kaunseling. Advokasi berintegrasi kaunseling merupakan proses pengendalian isu buli melibatkan peranan aktif kaunselor dalam mempromosikan perubahan positif dalam komuniti sekolah melalui pelbagai strategi yang menyeluruh. Advokasi ini juga membantu membangunkan pendekatan berpasukan di mana kaunselor, guru, pentadbir dan ibu bapa bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan strategi pencegahan buli. Kesemua pihak berperanan penting bagi memastikan tingkah laku buli ini tidak dijadikan satu budaya sosial dalam kehidupan harian. Melalui kajian Tharishini Mana Mohan dan Abu Yazid Abu Bakar (2021) ada menyatakan bahawa menggabungkan advokasi dengan kaunseling dalam intervensi buli dapat membantu dalam memahami dan menangani punca-punca asas tingkah laku buli. Kajian ini membincangkan bagaimana pendekatan bersepadu boleh melibatkan pelbagai intervensi yang meliputi kaunseling individu dan kumpulan, serta advokasi untuk perubahan polisi sekolah.

Strategi seterusnya adalah melaksanakan pendekatan nilai murni dalam kehidupan harian pelajar. Nilai murni merupakan elemen penting dalam membentuk tingkah laku positif dalam kalangan pelajar. Dengan menanamkan nilai-nilai murni seperti empati, hormat-menghormati, tanggungjawab dan kejujuran, sekolah dapat membantu mengurangkan kejadian buli dan mewujudkan persekitaran

yang lebih selamat dan harmoni. Menurut peserta kajian pertama buli ini boleh dikendalikan dengan adanya nilai-nilai yang baik seperti nilai kasih sayang antara para pelajar di sekolah, nilai agama agar ia dapat membandingkan antara perkara baik dan buruk. Penerapan sifat kemanusiaan dan contoh teladan terbaik akan membantu membentuk diri pelajar kearah perubahan positif. Dapatan di sokong oleh kajian Zhang et al. (2023) menunjukkan bahawa pendidikan berasaskan nilai murni dapat membawa perubahan positif dalam tingkah laku pelajar yang terlibat dalam buli. Kajian ini menekankan bahawa pelajar yang terdedah kepada program pendidikan nilai murni menunjukkan pengurangan dalam tingkah laku membuli dan peningkatan dalam kemahiran sosial.

Pelaksanaan program kaunseling yang komprehensif dan berkesan adalah penting dalam usaha menangani isu buli dalam kalangan pelajar sekolah. Program ini harus dirancang dengan teliti, melibatkan pelbagai pihak dan dijalankan secara berterusan untuk memastikan keberkesanannya. Peserta kajian kedua juga melaksanakan program kaunseling secara berkala. Kajian Jungtae Choi et al. (2023) menunjukkan bahawa program kaunseling yang fokus pada pengurusan emosi berkesan dalam mengurangkan tingkah laku buli. Kajian ini menggariskan kepentingan latihan dalam kemahiran pengurusan emosi sebagai sebahagian daripada intervensi kaunseling. Kaunselor akan menilai keberkesanan program pencegahan buli yang berasaskan kaunseling. Kajian ini menunjukkan bahawa program yang melibatkan sesi kaunseling individu dan kumpulan boleh mengurangkan kejadian buli dan meningkatkan kesejahteraan pelajar.

Kolaborasi multi-bidang dalam proses pengendalian isu buli melibatkan kerjasama antara pelbagai badan profesional dan organisasi untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan menyokong. Antara perkara yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengadakan mesyuarat berkala antara kaunselor, guru dan pentadbir sekolah untuk membincangkan kes-kes buli yang sedang berlaku di sekolah dan merancang langkah-langkah intervensi yang sesuai. Mewujudkan kumpulan tindakan pencegahan buli antara pihak sekolah pihak luar seperti polis, doktor mahupun ibu bapa yang bertanggungjawab untuk menangani insiden buli dengan segera dan efektif. Dapatan ini disokong oleh kajian Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail dan Amelia Mohd Noor (2019) di mana ia menjelaskan tentang bagaimana pihak polis dapat bekerja sama dengan sekolah untuk menangani masalah buli. Kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran pihak polis dalam program pencegahan buli dapat membantu dalam menangani kejadian buli yang serius dan memberikan rasa aman kepada pelajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan isu buli dalam kalangan pelajar bukan lagi isu baru terjadi dalam kalangan pelajar di sekolah. Guru bimbingan dan kaunseling juga mempunyai pendekatan khusus dalam usaha mencegah buli dan mengendalikan isu buli yang terjadi. Oleh itu, implikasi kajian mengenai pendekatan kaunselor dalam mengendalikan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah boleh dilihat dari pelbagai aspek, termasuk pendekatan kaunselor, peranan guru bimbingan dan kaunseling, kesan terhadap pelajar, perubahan tingkah laku buli dan kesan kepada persekitaran sekolah secara keseluruhan. Guru bimbingan dan kaunseling perlu sentiasa bersedia menerima isu-isu tingkah laku pelajar di sekolah yang semakin mencabar dengan persediaan dari aspek pendekatan yang berkesan, strategi bimbingan serta pelaksanaan intervensi yang relevan.

Namun begitu, kajian ini boleh dijadikan satu rujukan berkaitan dengan pengalaman guru bimbingan kaunseling di sekolah. Diharapkan kajian ini memberi panduan dan membantu kaunselor sekolah yang akan datang bagi mengatasi cabaran, mencari alternatif serta menambahkan pengetahuan mengenai isu buli dalam kalangan pelajar sekolah. Tambahan lagi, kajian ini dapat menjadi satu pencetus dimensi yang baharu terhadap kajian yang berkaitan pengalaman kaunselor di Malaysia. Hal ini kerana, bidang kaunseling di negara ini berkembang dengan maju selari dengan usaha yang dilaksanakan memberi impak yang signifikan dalam perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat awam. Justeru, diharapkan tanggungjawab yang digalas oleh setiap individu yang bergelar seorang

kaunselor harus dilaksanakan dengan sepenuh hati bagi melahirkan profesion kaunseling yang kompeten dan dipercayai.

RUJUKAN

- Ab Aziz, N. Ab Hamid, Z. dan Mohamad Amin, N.S. (2020). Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Persidangan Kumpulan Keluarga Sebagai Alternatif Kepada Hukuman. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 275-296.
- Abdul Rashid Abdul Aziz dan Nurun Najihah Musa (2022). Pendekatan Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku dalam Menangani Sifat Kebergantungan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol.7(2), 2504-8562.
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, Mohd Zamrie Mohd Zahir dan Fatimah Yusro Hashim (2021). Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol.29, 3-13.
- Amir Awang (2021). Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia (PERKAMA). Diperolehi daripada <https://bkupm.upm.edu.my/upload/dokumen/20211210152504> Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia.pdf
- Amree Ahmad (2022). Lonjakan kes buli di sekolah membimbangkan kerajaan. *Berita Harian Kosmo*. Diperolehi daripada <https://www.kosmo.com.my/2022/08/18/lonjakan-kes-buli-di-sekolah-membimbangkan-kerajaan>
- Andrea Gideon, Vidriana Oktoviano dan Mar'ah Nailul Faroh (2023). *Metode Penelitian Pendidikan*. Indonesia. Penerbitan Pradina Pustaka.
- Asma Mat dan Wan Marzuki Wan Jaafar (2022). Kesan Modul Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) Terhadap Sistem Kepercayaan dan Estim Kendiri dalam kalangan Pelatih di Sekolah Tunas Bakti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol.7(1), 2504-8562
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar dan Mohd Allnurulhuda Ghazali (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis. *Global Journal of Educational Research and Management*. Vol 3 (1), 2805-4695
- Christina Salmivall, Lydia Laninga-Wijnen, Sarah T. Malamut dan Claore F Garandean (2021). Bullying Prevention in Adolescence: Solution and New Challenges from The Past Decade. *Journal of Research on Adolescence*. Vol 31(4), 1032-1046.
- Dan A. Olweus (2021). Development, Evaluation and Future Directions of The Olweus Bullying Prevention Program. *Journal of School Violence*. Vol 10(1), 71-87.
- Dorothy L. Espelage dan Jun Sung Hong (2023). Cyberbullying: Prevalence, Prevention, and Intervention. *The Canadian Journal of Psychiatry*. Vol 62(6).
- Dorothy L. Espelage dan S.M. Swearer (2024). *Bullying in Adolescence: Implications for Social and Emotional Development*. Sage Journals. Vol 23(4).
- Elizabeth Burgess Dowdell, Alanna Owens dan Meredith MacKenzie Greenle (2022). School Shooters: Patterns of Adverse Childhood Experiences, Bullying, and Social Media. *Journal of Pediatric Health Care*. Vol.36 (4).
- Ersilia Menesini dan Christina Salmivalli (2024). *Bullying in Schools: The State of Knowledge and Effective Interventions*.
- Farahin Fadzil (2024). Malaysia duduki tangga ke-5 di dunia dengan kadar buli siber tertinggi. *The Rakyat Post Online*. Diperolehi daripada <https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2024/09/11/malaysia-duduki-tangga-ke-5-di-dunia-dengan-kadar-buli-siber-tertinggi/>
- Fusco Nicolina V., Holt, Melissa K., Merrin Gabriel J, dan Green Jennifer Grief (2024). *Sosial-Emotional Functioning Among Bias-Based Bullies, Victims and Bully-victims*. *School Psychology*.
- Goodwin et al. (2019). *Bullying in school: An Evaluation of the Use of Drama in Bullying Prevention*.
- Hadijah Johari, Alif Nordin dan Zaidi Fadzil (2022). Kajian Kes Aplikasi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) dalam Menangani Isu Tekanan. *Jurnal Dunia Pengurusan*. Vol.4(1), 2682-8251.
- Jungtae Choi, Junsung Hong, Viktor Burlaka, Julia Burlaka, Christina N. Marsack-Topolewski dan Dexter R. Voisin (2023). Bullying Victimization and Suicidal Thoughts: Emotional Distress and Neighborhood Conditions. *Archives of Suicide Research*. Vol.28(2), 499-511.

- K. Rigby (2021). Theoretical Perspectives and Two Explanatory Models of School Bullying. *International Journal of Bullying Prevention*. Vol 6, 101-109.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif at Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Kamsiah Mohamed, Shireen Muhammad, Zahrul Azwan ABSL Kamarul Adzhar dan Mohd Nazran Mohammed Pauzi (2024). Buli siber mempengaruhi tahap akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol.11(1), 171-190.
- Lutfiyatut Tamamiyah (2024). Konseling Kelompok dengan Pendekatan Rational Emotive Behavior Therapy. *Jurnal Pendidikan Indonesia*. Vol.4(8), 2745-7141, 2746-1920
- Man, E., Mohamed Arip, M. A. S., Jusoh, A. J., dan Hassan, N. A. (2023). Development of an Intervention Counseling Module in Addressing the Issue of Violent Behavior Among Secondary School Students *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 24–41.
- Marzni Mohamed Mokhtar dan Marni Jamil (2022). Sudut pandang pelaksanaan kajian kes kualitatif. *Asian journal of civilization studies*. Vol.3 (2)
- Melissa C. Mercado, Jing Wang, Laura M. Mercer Kollar (2022). Parents' Self-reported changes in concern about children's bullying. *Journal of interpersonal Sociology, Psychology*.
- Mhd Subhan, Salleh Amat, Wan Syarmiella (2019). Isu profesional kaunselor dalam perkhidmatan kaunseling sekolah. *International Conference On Global Education Educational Transformation Towards a Developed Country*. Vol 61(4) 978-983.
- Mohamad Nozri Idris dan Nor Hernamawarni Abdul Majid (2022). Pendekatan kaunseling dalam meningkatkan penerimaan sendiri murid mangsa buli. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*. Vol. 1(1) 2948-4774.
- Mohd Razimi Husin et al. (2020). Gejala Membuli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Journal of Humanities and Social Sciences*. Vol. 2721-804x, 2721-8104.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Nazirah Hassan, Nasrudin Subhi dan Muzamir Wan Nazri (2021). Hubungan antara tekanan psikologikal dan kemarahan dengan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Psikologi Malaysia*. Vol. 35 (1) 2289-8174.
- Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail dan Amelia Mohd Noor (2019). Masalah buli dalam kalangan murid : apakah guru ?. *Jurnal Perspektif*. Vol.11(2),1-14.
- Nurul Izzah Noor Zainan et al. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: satu tinjauan awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences*
- Qian, C. Qiuxuan dan G. Xianrong (2024). Trolling, Cyberstalking, Body-shaming, Slut-shaming. *International Conference on Global Politics and Socio-Humanities*. Vol.28, 2753-7064.
- Richard Armitage (2021). *Bullying in children: impact on child health*. Division of Epidemiology and Public Health, University of Nottingham, Nottingham, UK
- Ridauddin Daud (2023). 4994 kes buli direkodkan dari Januari sehingga Oktober 2023. *Berita Awani Online*. Diperoleh daripada. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4994-kesbuli-direkodkan-dari-januari-hingga-oktober-2023-444181>
- Sonia Sharp dan Peter K. Smith (2019). *Tackling Bullying in Your School*. *New Zealand Journal of Educational Studies*. Vol. 50, 303-305.
- Suriana Che Awang dan Khadijah Alavi (2020). Buli Siber : Impak Emosi dalam Kalangan Pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. 4(5), 2600-9501
- Tharishini Mana Mohan dan Abu Yazid Abu Bakar (2021). A systematic literature review on the effects of bullying at school. *Indonesian Journal of School Counseling*. Vol.6(1), 35-39.
- Wan Nur Syahirah Mohammad Ghazali dan Mohd Izwan Mahmud (2024). Program Pencegahan dan Rawatan Kaunseling untuk Mengatasi Isu Buli di Sekolah Menengah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. Vol. 6(2), 2682- 8138.
- Zanaton Iksan, Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mohd Noor Saper (2019). Kualiti Ilmu Berasaskan Keshaan dan Kebolehpercayaan data dalam Peyebaran Ilmu Islam: Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif. *Jurnal Hadhari*. Vol.8 (1), 13-30.
- Zhang, Y., Chen, J.-K (2023). Emotional Intelligence and School Bullying Victimization in Children and Youth Students: A Meta-Analysis. *Int. J. Environ. Research Public Health*. Vol 20, 4746